

**NO. SOALAN: 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 13 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6692**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah laporan polis dibuat, keterangan saksi diambil dan status terkini berhubung demonstrasi:-

- (a) menyumbat kangkung ke dalam mulut replika Perdana Menteri pada 15 Januari 2014 ; dan
- (b) 3,000 orang di Pulau Pinang yang terlibat dalam membawa banting 'Mahu lagi 13 Mei' dan seorang pemuda dipukul pada 18 Januari 2014.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Bagi menjawab soalan (a), kertas siasatan berhubung dengan isu ini bermula apabila pengadu dalam kes ini telah melihat satu laman web akaun *Twitter* milik Lee Khai Loon yang memperlihatkan gambar suspek telah memasukkan kangkung ke dalam mulut replika Perdana Menteri. Siasatan telah dibuat berhubung Bukit Mertajam Repot 661/2014, Seksyen 500 Kanun Keseksaan. Sebanyak 12 keterangan saksi telah diambil dalam kes ini. Kertas Siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 21 Februari 2014 untuk nasihat dan pandangan.**

**Bagi menjawab soalan (b), siasatan telah dibuat berhubung dengan bantahan yang dianjurkan oleh UMNO Pulau Pinang berhubung gambar di dalam akaun *Twitter* milik seorang lelaki penama Lee Khai Loon yang memasukkan kangkong ke dalam mulut replika Perdana Menteri. Himpunan yang dihadiri lebih kurang 1,000 orang terdiri daripada ahli dan pemimpin UMNO, NGO Perkasa dan penduduk setempat. Terdapat kain rentang yang tertulis “kerana mulut pemimpin DAP, 13 Mei 1969 terjadi.. mau lagi kaa”. Kertas Siasatan telah dibuka berkait Seberang Jaya Repot 454/2014, Seksyen 9 (1) Akta Perhimpunan Aman dan Seksyen 4 (1) Akta Hasutan. Kertas siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 25 Februari 2014 untuk nasihat dan pandangan.**